

PENGENALAN SEKTOR PERTANIAN



Pada tahun 1962, Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien melancarkan Rancangan Kemajuan Negara kali kedua. Tujuan rancangan ini diadakan adalah untuk meningkatkan lagi taraf kemajuan ekonomi dan sosial di Negara Brunei Darussalam.

Di antara kemajuan dalam bidang ekonomi yang ketara ialah dengan adanya tanah-tanah yang telah disediakan bagi penanaman padi secara komersial untuk mengurangkan pengimportan beras dari luar Negara disamping mempertingkatkan industri pertanian Negara.

Rakyat juga berpeluang mempelajari cara-cara menanam kopi, pisang, gandum, kacang tanah, dan sebagainya untuk pengetahuan mereka sendiri dan juga sebagai hasil pengeluaran yang dieksport ke luar negeri.

Ristaan
Sempena Pelancaran Rancangan
Kemajuan Negara (RKN) Kali Kedua
pada Tahun 1962

KOLEKSI TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDASULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

“ Di sini, kita perlu turut melihat prestasi ekonomi kita sendiri, di mana beberapa tahun kebelakangan ini, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah agak perlahan, yang memerlukan kita menggandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara, terutama yang di luar sektor minyak dan gas.

Di antara yang di luar sektor minyak dan gas itu, ialah seperti sektor pertanian atau perikanan, sektor pembuatan, sektor perkhidmatan, termasuk perkhidmatan kewangan, pengangkutan, logistik, telekomunikasi, perdagangan, pelancongan dan lain-lain.

Kita mustahak ingat, bahawa pasaran dalam negara kecil, bukanlah alasan untuk menghalangi pertumbuhan keluaran, malah setiap syarikat, sama ada ia milik persendirian atau milik kerajaan, adalah mampu untuk mensasarkan penjualan produk dan perkhidmatan mereka keluar negara sebagai eksport.

Beta sebelum ini pernah menekankan, bahawa peningkatan pertumbuhan ekonomi boleh dicapai dengan memberi keutamaan kepada peningkatan produktiviti, melalui penyelidikan dan penggunaan teknologi terkin. ”

- Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Masih 2016

“ Turut lebih kita beratkan ialah membangun ekonomi. Brunei tidak boleh leka dalam keadaan ekonomi global dilihat sedang bermasalah. Brunei perlu mempelbagaikan ekonominya sambil terus meningkatkan hasil Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Kita perlu lebih aktif serta mempunyai agenda lebih terancang bagi mencapai sasaran ini. Usaha-usaha peningkatan perlulah menyeluruh terutama bagi bidang yang dianggap utama, seperti pertanian makanan asasi. Bidang ini mestilah terus diperkasa sehingga mampu untuk kita memenuhi sara diri. Kita tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada pihak luar sahaja. Sayugia perkara ini dapat diambil perhatian serius oleh pihak berkenaan dalam kerajaan. ”

- Titah Sempena Hari Keputeraan Yang Ke 70 Tahun Bagi Tahun

“ Sementara bidang industri pertanian pula, kelihatannya adalah tidak aktif atau masih kurang diaktifkan, sedangkan keperluannya bagi negara sangatlah besar.

Jadi dimanakah kita dengan azam dan usaha untuk mengaktifkan bidang pertanian itu sehingga mencapai tahap sara diri, atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan pergantungan kita kepada komoditi import seperti beras.

Disinilah pentingnya inisiatif dan ‘idea besar’ untuk memajukan negara dan bangsa. Tanpa adanya inisiatif dan idea tersebut, semua jentera tidak mampu bergerak untuk memastikan perkembangan dan kemajuan berjalan lancar. ”

- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Idul Fitri Bagi Tahu 1438H/2017M Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

“ Mengenai pertanian pula, apa yang mustahak adalah kerajinan, rajin berusaha dan merancang. Oleh itu rancanglah betul-betul supaya menghasilkan produk-produk pertanian yang diperlukan oleh negara. Berilah perhatian dan keutamaan kepada sektor pertanian. Oleh kerana sektor inilah yang akan menentukan kelangsungan kita sebagai bangsa dan negara yang merdeka. Perluaskanlah tanaman padi oleh kerana kita sangat memerlukan bekalan beras yang merupakan bahan makanan asasi kita supaya kita tidak semata-mata bergantung kepada pengimportan beras dari luar negara. ”

- Titah Sempena Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet pada 07hb Februari 2018

“ Di samping berjimat, kita juga mesti menggembangkan tenaga bagi pertumbuhan secara besar-besaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Brunei perlu meneroka bidang yang tidak dapat diabaikan lagi. Pastikan ianya ditangani dengan berkesan sehingga berhasil.

Beta sudah pun menyebut berkali-kali bidang pertanian. Bidang ini sangatlah mendesak untuk digerakkan. Bukan bergerak ikut mood, tetapi bergerak demi keperluan.

Negara adalah sangat-sangat memerlukan. Sudah sampai masanya untuk Brunei berdikari dalam pemakanannya, khasnya berdaya upaya untuk menyara diri sendiri dengan makanan asasi iaitu beras.

Usahakan ia sampai berhasil. ”

- Titah Sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Empat Belas Majlis Mesyuarat Negara 2018